

AL-HIKMAH

Jilid	7	ISSN 1985-6822	2015
No.	1		1436

- TOLERANSI BERAGAMA DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN PELAGANDONG DALAM KALANGAN MUSLIM DAN KRISTIAN DI AMBON...3-16
Mu'alim, Jaffary Awang & Ibrahim Abu Bakar
- MENGATASI KELEMAHAN PROFESIONALISME DALAM KERJA MELALUI PENGHAYATAN KAREKTER HAMBAM-HAMBAM AR-RAHMAN...17-32
Hisham Ahmad & Wan Nasyrudin Wan Abdullah
- DAKWAH DALAM DIMENSI KEROHANIAN PENJAGAAN PALIATIF MENURUT PENDEKATAN BADI' AL-ZAMAN SA'ID AL-NURSI...33-47
Muhammad Rif'at Razman & Salasiah Hanin Hamjah
- APLIKASI GAYA KEPIMPINAN JURUTERA MUSLIM DI NEGERI MELAKA...48-61
Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Rosli Saadan, Adawiyah Ismail & Mohd Mazli Mohd Aini
- PENYEDIAAN KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MASJID-MASJID: KAJIAN KES DI MASJID-MASJID DAERAH BATANG PADANG ...62-78
Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud & Abdul Hadi Borham
- KERESAHAN PELAJAR KETIKA MEMPELAJARI BAHASA ARAB...79-94
Nur Pratiwi & Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad
- KEMAHIRAN PSIKOLOGI DAKWAH KEPADA GOLONGAN REMAJA...95-101
Fariza Md Sham
- RELEVANSI APLIKASI SANAD DALAM PENGAJIAN ISLAM PADA MASA KINI...102-118
Sakinah Saptu, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Latifah Abd. Majid & Ahamad Asmadi Sakat
- KESAN TERAPI RUQYAH DALAM MERAWAT PESAKIT HIV/AIDS ...119-131
Haslinda Lukman, Latifah Abd. Majid & Wan Nasyrudin Wan Abdullah
- HUBUNGAN PELAKSANAAN AKTIVITI DAKWAH MELALUI KESENIAN TERHADAP PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH...132-148
Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Rasit
- KONSEP JIHAD YUSUF AL-QARADAWI DALAM KARYA FIQH AL-JIHAD...149-171
Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi & Ahmad Dahlan Salleh
- THE RELATIONSHIP BETWEEN SPIRITUAL AND TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP TOWARD INTENTION TO STAY: A STUDY IN A POLITICAL ENVIRONMENT...172-184
Zaini Jamaludin & Zulkefli Aini
- BOOK REVIEW...185-188
Fariza Mad Sham, Nur Damia Husna Nor Sad, Zulaikha Farhana Zainal Abidin & Amirah Mad Radzi

Al-Hikmah 7(1) 2015: 79-94

Keresahan Pelajar Ketika Mempelajari Bahasa Arab

Student's Anxiety in Learning Arabic

NUR PRATIWI*
SUHAILA ZAILANI @ HJ. AHMAD

ABSTRAK

Keresahan adalah merupakan fenomena emosi yang berlaku pada hampir setiap orang. Keresahan berlaku pada situasi dan keadaan tertentu. Mempelajari bahasa asing merupakan salah satu keadaan yang dapat menyebabkan keresahan. Mereka yang mengalami keresahan dalam pembelajaran bahasa akan menangguh-nangguhkan kerja rumah yang diberikan, menghindari aktiviti bertutur di dalam kelas, atau duduk diam di belakang. Justeru itu, artikel ini ditulis untuk membincangkan mengenai takrif keresahan secara umum dan takrif keresahan bahasa (*language anxiety*) secara khususnya. Artikel ini juga membincangkan tentang faktor yang menyumbang kepada keresahan dan juga kaedah yang digunakan bagi mengurangkan tahap keresahan yang dialami semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa berlangsung. Hasil kajian mendapati bahawa antara faktor utama bagi keresahan bahasa ini adalah berkaitan dengan tahap keyakinan diri pelajar yang rendah. Di samping itu, faktor kaedah pengajaran, peperiksaan, dan aktiviti-aktiviti dalam kelas yang kurang efektif juga turut menyumbang kepada keresahan pelajar. Seterusnya, antara kaedah yang dapat digunakan bagi mengurangkan keresahan adalah pelajar sentiasa menanamkan sikap positif dan guru pula sentiasa peka terhadap keresahan yang dialami pelajar dan bersikap lebih mesra serta mempelbagaikan kaedah pengajaran.

Kata Kunci: *Keresahan, Bahasa Asing, Bahasa Arab*

ABSTRACT

Anxiety is a emotional phenomenon that occurs almost on everyone. Anxiety occur in certain situation and condition. Learning a foreign language is one of a condition where the student will feel anxiety. The students who feel anxiety in foreign language learning will procrastinate the task, avoid the speaking activities during learning session, or sitting quietly in the back row. Therefore, this article

will discuss about the definition of anxiety generally and foreign language anxiety specifically. This article also discuss about factors that contribute to the foreign language anxiety and the approaches or methods that can be used in order to reduce the level of anxiety that experienced by students during learning session. This study finds that the main factor of foreign language anxiety is related to the students' low self-esteem. In addition, the teaching methods, language test, and activities that are less effective in the classroom also contributed to students' anxiety. Furthermore, the method that can be used to reduce the students' anxiety is to constantly instill the positive attitude, the teachers are sensitive to the anxiety faced by students, being more friendly and varying the teaching methods.

Keywords: *Anxiety, Foreign Language, Arabic Language*

PENGENALAN

Pada dekad kebelakangan ini, kepentingan mempelajari bahasa asing (selepas ini disebut sebagai (B3) semakin mendapat perhatian menyeluruh dari pelbagai lapisan masyarakat. Kesedaran ini amat berkait rapat dengan permintaan semasa terhadap penggunaan B3 yang amat meluas di peringkat antarabangsa. Sama ada bahasa Mandarin, bahasa Jepun, bahasa Perancis, atau bahasa Arab, setiap bahasa itu mempunyai kelebihan dan keutamaannya yang tersendiri dalam sektor atau skop yang berbeza.

Mempelajari satu bahasa bukanlah satu hal yang mudah, ia memerlukan usaha dan kegigihan yang kuat bagi menjadi seorang yang berjaya dalam sesebuah bahasa. Sebagai contoh, untuk mempelajari bahasa Sepanyol dan Perancis ianya memerlukan 480 jam untuk menguasai bahasa tersebut. Untuk mempelajari bahasa Arab pula, ia memerlukan kepada 1320 jam untuk menguasainya (Hadley 2001). Hal ini disebabkan bahasa Arab memiliki sistem gramatikal yang agak kompleks dan memiliki kata terbitan (*Derivational Morphology* atau *'Ilm Sarf*) yang cukup luas untuk dipelajari dalam masa yang singkat (Alghothani 2010).

Dalam mempelajari B3 ini, pelajar menghadapi keresahan. Mereka yang mengalami keresahan dalam pembelajaran bahasa akan menanggung-nanggungkan kerja rumah yang diberikan, menghindari aktiviti bertutur di dalam kelas, atau duduk diam di belakang. Keresahan bahasa ini pula menjadi satu faktor bagi pelajar enggan untuk memerlukan B3 (Horwitz et al 1986). Tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami dalam pembelajaran B3 boleh menjadi punca kegagalan kepada seseorang pelajar untuk memperoleh pencapaian yang membanggakan jika ia berlarutan sehingga tahap yang membimbangkan.

Kajian-kajian lepas mengenai keresahan dalam pembelajaran bahasa kedua (selepas ini dirujuk B2) seperti bahasa Inggeris (Hismanoglu 2013; Bailey 1998; Al-Shboul et al 2013) Perancis, Jerman, Sepanyol (Tallon 2009), Jepun (Aida 1994; Kitano 2001; Matsuda & Gobel 2001; Saito & Samimy 1996; Samimy & Tabuse 1992), Rusia (Ingram et al. 1975; O'Toole 1993) dan B3

lainnya telah banyak dijalankan. Kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang kelemahan pertuturan pelajar dalam bahasa Arab pula telah dikaji secara luas. Walau bagaimanapun kajian mengenai keresahan dalam pembelajaran bahasa Arab secara khususnya belum lagi meluas terutama dalam keresahan pertuturan (Elkhafaifi 2005; Alghothani 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan menggunakan kaedah kepustakaan. Data dikumpul daripada buku, jurnal, artikel persidangan, tesis, kertas kerja dan sebagainya. Data yang terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif.

TAKRIF KERESAHAN

Keresahan merupakan suatu bentuk perasaan atau emosi yang dialami oleh setiap orang dalam keadaan tertentu. Perkataan resah atau bimbang dalam bahasa Inggeris disebut *anxiety*, manakala dalam bahasa Arab disebut dengan *al-qalaq*, *hasr* atau *jaz'u* (Farj Abd al-Qadir 1993; Iswa 1970; Mubayyad 1995; Rasyad °Ali 2001; al-Ba' albaki 1997). Walau bagaimanapun, perkataan *al-qalaq* didapati lebih sering digunakan dalam kajian dan penulisan berkaitan dengan keresahan atau kebimbangan.

Sungguh pun begitu, apabila merujuk kepada al-Qur'an, perasaan resah yang memiliki sinonim dengan kegelisahan disebut dengan perkataan *halu'a* (Che Zarrina 2001; Salasiah 2011). Jika merujuk kepada kamus al-Mawrid (1997) didapati perkataan *halu'a* (هلوعا) mempunyai maksud yang sama dengan *anxiety*. Penemuan yang sama juga diperoleh dalam *Mu'jam al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah* (Wehr 1980), *al-Qamus Arabi-Inklizi* (2003) dan *An English-Arabic Reader's Dictionary* (J. John Abcarius 1974). Perkataan *al-qalaq* tiada terdapat dalam al-Qur'an malah yang dinyatakan dalam al-Qur'an ialah perkataan *halu'a* sebagaimana firman Allah s.w.t (al-Ma'arij 70: 19-22):

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila ia ditimpa kesusahan, Dia sangat resah gelisah. dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut. kecuali orang-orang Yang mengerjakan sembahyang.

Ibn Kathir (1970) dalam mentafsirkan surah al-Ma'arij, 70: 19-22, beliau menyatakan bahawa dalam ayat ini Allah menerangkan tabiat manusia yang memiliki sifat takut, kurang sabar, selalu berkeluh kesah. Jika ditimpa bencana dan mala petaka ia selalu mengeluh dan berputus asa, jika mendapat keuntungan atau kebaikan maka ia amat kikir, kedekut dan bakhil. Kecuali orang-orang yang tekun melakukan solat, khusyuk dan tenang dalam solatnya.

Horwitz et al. (1986) mendefinisikan keresahan sebagai suatu perasaan yang subjektif seperti ketegangan, ketakutan, gugup, dan khawatir yang berhubungan dengan rangsangan sistem saraf. Keresahan juga didefinisikan sebagai suatu bentuk tindak balas emosi atau perasaan yang muncul akibat adanya suatu tekanan atau ancaman (Darwin 1872; May 1977). Freud (1920) menambahkan bahawa perasaan resah sama seperti perasaan takut. Morris et al. (1981) menyatakan bahawa secara umumnya, keresahan diertikan sebagai kebimbangan dan ianya merupakan salah satu aspek kognitif. Mitchell & Myles (2004) menyebutkan beberapa simptom atau gejala keresahan seperti rasa rendah diri, bimbang, dan jantung berdegup lebih cepat.

Perbincangan mengenai keresahan merupakan antara pembahasan yang sering dibincangkan dalam kalangan penyelidik bidang psikologi dan pendidikan. Hal ini kerana keresahan tidak hanya memberi kesan negatif terhadap pembelajaran bahasa, malah ia turut memberi pengaruh kepada bidang pembelajaran lainnya (Horwitz 2001). Hal ini disebabkan keresahan merupakan faktor afektif yang memainkan peranan penting terhadap proses penguasaan dan pencapaian suatu ilmu (Brown 2000; Dörnyei 2005; Ellis 1994; Horwitz 2001). Dalam pembelajaran bahasa, MacIntyre & Gardner (1989) membahagikan keresahan kepada tiga jenis keresahan iaitu *trait anxiety*, *state anxiety* dan *situation-specific anxiety*.

Pada kebiasaannya, keresahan sebagai satu sifat personaliti (*trait anxiety*) dibezakan dengan keresahan yang muncul pada keadaan tertentu (*state anxiety*) (Oxford 1999; Horwitz 2001). Dengan perkataan lain, *trait anxiety* merupakan salah satu ciri atau sifat seseorang dan ia mengalami keresahan hampir pada setiap keadaan, manakala *state anxiety* merupakan keresahan yang bersifat sementara yang muncul sebagai tindak balas terhadap suatu keadaan seperti keresahan yang muncul pada saat akan mengikuti peperiksaan (Ehrman 1996; Spielberger 1983).


Situation-specific anxiety pula merupakan satu bentuk keresahan yang dialami seseorang dalam keadaan atau konteks tertentu seperti keresahan semasa bercakap di hadapan ramai, terlibat dalam aktiviti kelas (Horwitz 2001; Ellis 1994) atau mengikuti peperiksaan bertulis (Mohd & Rafik 2010). Seseorang yang sentiasa mengalami *state anxiety* berkemungkinan besar mengalami *situation-specific anxiety* (Mohd & Rafik 2010). Keresahan jenis ini diangkat oleh Horwitz & Cope (1986) sebagai satu konsep yang disebut keresahan dalam B3. Mereka berpendapat bahawa keresahan dalam B3 berperanan dalam menimbulkan emosi negatif dalam diri pelajar semasa proses pembelajaran B3.

Keresahan Dan Pembelajaran B3

Selama beberapa dekad, topik keresahan B3 (*foreign language anxiety*) menjadi topik yang hangat dibincangkan dalam kajian-kajian berkaitan penguasaan B2 atau B3 (*Second / Foreign Language Acquisition*). Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar pelajar mengalami keresahan semasa proses pembelajaran bahasa (Thompson & Lee 2014; Hui 2012). Beberapa kajian menunjukkan bahawa keresahan B3 merupakan hasil daripada tahap kemampuan bahasa yang agak rendah (Sparks & Ganschow 1991; Sparks & Ganschow 2007; Sparks, Ganschow & Javorsky 2000). Keresahan B3 terdiri daripada persepsi sendiri, keyakinan diri, perasaan, dan tingkah laku berkaitan dengan pembelajaran bahasa di dalam kelas dan ia muncul daripada proses pembelajaran bahasa tersebut (Horwitz et al. 1986).

Leary (1990) dan Levitt (1980) menyatakan bahawa antara keresahan, kognitif dan tingkah laku amat berkait rapat satu sama lain. Ketiga aspek tersebut saling mempengaruhi satu sama lain. Sebagai contoh, apabila pelajar diminta untuk menggunakan B2 atau B3 di dalam kelas, maka hal tersebut dapat menimbulkan keresahan, apabila pelajar resah maka tumpuan mereka akan terbahagi dan akhirnya beimpak kepada persembahan bahasa yang kurang baik. MacIntyre (1995) menggambarkan hubungan antara keresahan, kognif dan tingkah laku dalam bentuk kitaran seperti berikut:

Rajah 2.1: Rekursif hubungan antara keresahan, kognitif dan tingkah laku



Sumber MacIntyre, P. D. (1995)

Pengkaji pada kajian-kajian awal berkaitan topik ini menunjukkan adanya korelasi negatif antara keresahan pembelajaran B3 dengan pencapaian atau penguasaan pelajar dalam bahasa tersebut (Clément et al. 1977; Clement et al. 1980; MacIntyre & Gardner; 1991b; Aida 1994; Cheng et al. 1999; Phillips 1992).

Seterusnya, kajian mengenai keresahan ini dikaji secara meluas oleh penyelidik-penyelidik semasa dan diterapkan dalam pelbagai bahasa. Para penyelidik tersebut juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif antara keresahan dengan pencapaian suatu bahasa (Horwitz 2001; Kitano 2001; Matsuda & Gobel 2004; Abu-Rabia 2004; Ohata 2005; Elkhaifaifi 2005). Kajian mendapati bahawa pelajar yang mengalami keresahan enggan menyertai aktiviti-aktiviti pembelajaran dan memiliki pencapaian yang lebih rendah berbanding dengan pelajar tidak mengalami keresahan (Aida 1994; MacIntyre and Gardner; 1991b; Stevick 1980).

Pada kebiasaannya, pelajar yang mengalami keresahan cenderung memandang rendah kemampuan dirinya dalam pembelajaran bahasa, McIntyre et al. (1997) mengatakan bahawa hal tersebut dapat menjejaskan pencapaian pelajar. Di samping itu, pada sesetengah pelajar mereka akan meninggalkan kelas bahasa, tidak membuat persediaan dan mengelak daripada bertatap muka dengan guru bahasa bagi mengelak daripada keresahan dan rasa takut yang mereka alami (Bailey 1983).

Horwitz et al. (1986) teori horwitz, horwitz dan cope (1986) merupakan perintis kepada terbentuknya teori atau konstruk keresahan B3 (Wilson 2006). Mereka mengemukakan bahawa keresahan memiliki peranan penting dalam munculnya emosi negatif dalam diri pelajar terhadap pembelajara B3 (Horwitz 2001). Mereka mendefinisikan keresahan sebagai bentuk perasaan yang kompleks yang terdiri daripada persepsi sendiri, keyakinan diri, perasaan, dan tingkah laku berkaitan dengan pembelajaran bahasa di dalam kelas dan ia muncul daripada proses pembelajaran bahasa tersebut. Dengan perkataan lain, keresahan dalam pembelajaran bahasa ini termasuk ke dalam jenis *situation-specific anxiety*. Dalam hal ini, Scovel (1978) menganggap keresahan sebagai satu gabungan keadaan afektif yang dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan dalaman kepada pelajar B3.

Terdapat beberapa gejala yang menunjukkan seorang pelajar tersebut mengalami keresahan. Ia terbahagi kepada dua iaitu gejala fisiologis dan gejala psikologis. Sama halnya dengan gejala-gejala keresahan pada umumnya seperti tegang, gementar, berpeluh, jantung berdegup lebih cepat, dan gangguan tidur. Dalam pembelajaran bahasa, gejala-gejala tersebut ditunjukkan dengan menjadi kaku apabila akan mempraktikkan bahasa, kelupaan, bersikap dingin dan mengelak daripada aktiviti-aktiviti kelas. Di samping itu, pelajar juga mengalami gejala seperti sukar untuk menumpukan perhatian, sukar memahami bahan pengajaran, bimbang dan bahkan takut untuk mengikuti kelas pembelajaran bahasa (Horwitz et al. 1986).

Komponen Keresahan B3

Terdapat tiga komponen keresahan B3 dalam teori ini, antaranya ialah; kebimbangan komunikasi (*communication apprehension*), keresahan dalam peperiksaan (*test anxiety*), dan takut akan penilaian negatif (*fear of negative*

evaluation). Berikut adalah penjelasan berkenaan dengan komponen-komponen tersebut:

i. Kebimbangan komunikasi (*communication apprehension*)

Horwitz et al. (1986) dan McCroskey (1978) menyebutkan bahawa kebimbangan dalam komunikasi wujud dalam bentuk perasaan malu, segan, takut, dan bimbang untuk berkomunikasi dengan orang lain khususnya dalam B3. Kebimbangan dalam komunikasi atau pertuturan memiliki peranan penting dalam keresahan B3. Dalam sebuah temu bual, Krashen menyebutkan bahawa komunikasi adalah antara penyumbang utama terhadap keresahan pelajar dalam pembelajaran B3 (Young 1992).

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa perkara yang paling sukar dikuasai dalam proses penguasaan B3 ialah komunikasi atau pertuturan. Menurut Dubin (1977), motivasi dan latihan bahasa yang berterusan amat diperlukan untuk menguasai B3. Oleh sebab itu, tidak dapat dinafikan bahawa keresahan komunikasi merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi keresahan pelajar terhadap B3. Pelajar yang mengalami keresahan jenis ini, bukan sahaja cenderung mengelak daripada aktiviti pertuturan B3, bahkan menarik diri terus daripada aktiviti tersebut (McCroskey 1984).

Disebabkan faktor keresahan komunikasi ini juga seseorang individu yang peramah mungkin menjadi pendiam sewaktu sesi pembelajaran B3 dilakukan. Akibat daripada perasaan malu, ianya menyekat seseorang individu atau pelajar itu untuk menunjukkan kebolehannya berkomunikasi dalam B3. Pelajar berasa mereka merupakan individu yang berbeza apabila berkomunikasi menggunakan B3. Tetapi sekiranya mereka mengenali seseorang yang berkebolehan bertutur dan bercakap dengan lancar B3 tersebut secara tidak langsung kebimbangan mereka itu berkurangan.

Fenomena keresahan komunikasi ini mungkin selaras dengan kegagapan yang membawa maksud seseorang itu bercakap dengan tersekat-sekat dan ia merupakan satu gangguan dalam membentuk satu komunikasi yang berkesan (Wan Zarina et al. 2007).

ii. Keresahan ujian (*test anxiety*)

Keresahan ujian ialah keadaan perasaan dan emosi yang tidak menyenangkan yang memberi kesan kepada psikologi dan kelakuan pelajar (Ghazali et al. 2010; Ghazali et al. 2011). Hal ini dirasai dalam pengujian formal ataupun situasi penilaian (Dusek, 1980; Pintrich & Schunk, 1996).

Keresahan jenis ini berlaku disebabkan kerisauan pelajar terhadap keputusan peperiksaan yang tidak memuaskan. Mereka bimbang akan gagal dalam peperiksaan (Horwitz et al. 1986).

Faktor kebimbangan ujian merangkumi dua komponen, iaitu kognitif dan emosi. Komponen kognitif merujuk kepada pemikiran negatif pelajar yang

mengganggu prestasi seperti takut untuk menghadapi implikasi gagal dalam peperiksaan atau tidak mampu menjawab sepenuhnya soalan ujian. Manakala emosi merujuk kepada rangsangan emosi dan fisiologi seperti berpeluh, kadar denyutan jantung yang lebih laju, sakit perut atau rasa tidak selesa (Pintrich, et al., 1991).

Hal ini mengganggu keupayaan seseorang semasa mengambil ujian. Malah ada pelajar yang mampu melakukan sesuatu tugas semasa latihan harian biasa di rumah, tetapi mungkin tidak mampu melakukannya semasa ujian kerana wujudnya kebimbangan ujian yang tinggi. Kajian empirikal menunjukkan bahawa kebimbangan ujian dari segi kognitif lebih memberi kesan berbanding kebimbangan dari segi emosi (Pintrich & Schunk, 1996).

iii. Takut penilaian negatif (*fear of negative evaluation*)

Takut penilaian negatif didefinisikan sebagai kebimbangan terhadap penilaian orang lain kepada dirinya. Pelajar yang mengalami keresahan jenis ini, cenderung menarik diri daripada aktiviti-aktiviti yang terdapat penilaian. Di samping itu, ia juga cenderung membuat jangkaan bahawa orang lain akan membuat penilaian negatif terhadap dirinya (Horwitz et al. 1986).

Meskipun keresahan jenis ini hampir sama dengan *test anxiety*, ia sebenarnya memiliki skop yang lebih luas kerana tidak terhad kepada situasi peperiksaan sahaja. Keresahan ini boleh dialami pelajar baik di dalam mahupun di luar kelas, selama situasi atau keadaan tersebut memerlukan kepada penilaian seperti ketika di temu bual atau diminta untuk bertutur B3 (Horwitz et al. 1986). Keresahan ini berlaku kerana pelajar tersebut risau akan mendapat tanggapan yang kurang baik dari guru mahupun rakan-rakan (Watson & Friend 1969).

Kebiasaannya dalam mata pelajaran B3 ini kelancaran pertuturan pelajar akan dinilai di dalam kelas. Hal inilah yang berkemungkinan mengundang keresahan pelajar. Keresahan pembelajaran B3 juga dapat mempelihatkan dengan jelas betapa kompleksnya persepsi sendiri seseorang individu, kepercayaan, perasaan, dan sikap yang berkaitan dengan kelas pembelajaran bahasa muncul daripada proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut.

iv. Faktor keresahan B2 dan B3

Keresahan dalam pembelajaran B2 dan B3 sudah menjadi satu fenomena dan semestinya fenomena ini wujud disebabkan beberapa faktor. Horwitz et al. (1986) menyebutkan bahawa persepsi pelajar yang kurang tepat terhadap pembelajaran bahasa boleh menyebabkan pelajar tertekan dan resah di dalam kelas. Sebahagian pelajar beranggapan bahawa diam lebih baik daripada menggunakan B2 atau B3 yang salah. Selagi mana bahasa tersebut belum dapat dituturkan secara fasih, maka mereka memilih untuk tidak menuturkannya sama sekali. Pada hakikatnya, bahasa

hanya dapat dikuasai dengan banyaknya latihan dan belajar daripada kesalahan-kesalahan.

Pada beberapa kajian lain disebutkan bahawa pencapaian yang rendah dalam pembelajaran bahasa menyebabkan keresahan pelajar (Skehan 1989). Tidak dapat dinafikan, pencapaian yang rendah terhadap bahasa sasaran sedikit sebanyak mempengaruhi keyakinan diri pelajar terhadap kemampuannya dalam berbahasa. Namun sebaliknya, MacIntyre & Gardner (1989) berpendapat bahawa keresahanlah yang menyebabkan pelajar memperoleh pencapaian yang rendah. Sikap membandingkan pencapaian diri dengan pencapaian orang lain juga dapat menimbulkan keresahan. Bailey (1983) menyebutkan bahawa persaingan dalam kalangan pelajar yang demikian dapat menyumbang kepada keresahan pelajar, pelajar resah sama ada ia dapat mengatasi pencapaian rakannya atau sebaliknya. Selain daripada pencapaian, hubungan seorang pelajar dengan guru juga menjadi bahan persaingan di kalangan pelajar sehingga faktor juga dapat meresahkan pelajar.

Seterusnya, Bailey (1983) menganggap peperiksaan juga sebagai punca keresahan. Pelajar yang akan atau sedang mengikuti peperiksaan mengalami keresahan seperti menjadi lupa semua bahan pembelajaran yang dipelajarinya atau mengetahui jawapan yang benar, namun memberikan jawapan yang salah disebabkan oleh perasaan resah. Dalam hal ini, Horwitz et al. (1986) menambahkan bahawa seorang pelajar yang belajar atau mengulangkaji secara berlebihan namun tiada peningkatan dalam pencapaian, juga dapat menimbulkan keresahan. Sebagai contoh, seorang pelajar cemerlang di Mexico, menghabiskan 8 jam setiap harinya membuat persediaan untuk kelas bahasa Sepanyol, tetapi masih mendapat pencapaian yang kurang baik.

v. Model faktor keresahan Young

Membicarakan tentang faktor keresahan, Young (1991) menjelaskan secara komprehensif berkenaan dengan faktor keresahan ini. Terdapat enam aspek yang didapati Young sebagai faktor keresahan pelajar dalam pembelajaran bahasa B2 atau B3. Antaranya ialah;

- i. keresahan personal dan interpersonal
- ii. persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa
- iii. persepsi guru terhadap pengajaran bahasa
- iv. hubungan dan interaksi antara guru dan pelajar
- v. prosedur bilik darjah
- vi. ujian bahasa.

Pertama, berkaitan dengan persepsi personal dan interpersonal. Aspek ini melibatkan faktor keyakinan diri yang rendah dan daya saing pelajar. Young mengutip kenyataan Krashen yang mengatakan bahawa tahap keyakinan diri pelajar amat berkait rapat dengan keresahan bahasa. Pelajar dengan keyakinan diri

yang rendah cenderung risau terhadap pandangan dan penilaian orang lain terhadap mereka. Pencapaian dan persembahan bahasa yang kurang baik menyebabkan mereka risau akan dipandang negatif oleh rakan sekelas. Hembree (1988) mendapati dalam kajiannya berkaitan dengan hubungan antara keupayaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa dengan keresahan. Beliau mendapati bahawa semakin tinggi tahap keupayaan dan kemampuan, maka semakin rendah tahap keresahan yang dialami pelajar. Young (1991) menyimpulkan dapatan ini bahawa pelajar yang menganggap dirinya tidak memiliki kemampuan dalam pembelajaran bahasa, maka ia berkemungkinan besar untuk mengalami masalah keresahan.

Kedua, berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Pelajar berpandangan bahawa dalam mereka mesti bercakap dalam bahasa B2 atau B3 tersebut dengan aksen atau pelat yang fasih dalam masa yang singkat. Mereka beranggapan sebutan yang tidak sama dengan penutur asal adalah sebuah kesalahan sehingga menjadikan mereka sangat berhati-hati dalam pengucapan. Hal ini menimbulkan keresahan di kalangan pelajar, mereka takut dan risau akan melakukan kesalahan dalam pembelajaran bahasa.

Ketiga, persepsi guru terhadap pengajaran bahasa. Young (1991) mengemukakan bahawa terdapat sebahagian guru yang memiliki sikap *otoriter* sebagai usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Guru beranggapan bahawa peranannya di dalam kelas adalah untuk membetulkan setiap kesalahan bahasa pelajar. Di samping itu, terdapat juga tipikal guru yang mempercayai bahawa guru lah yang perlu bercakap lebih banyak di dalam kelas dan kurang memberi peluang kepada pelajar untuk membuat kumpulan-kumpulan kecil bagi mempraktikkan bahasa tersebut. Young (1991) mengatakan bahawa guru perlu memiliki sikap seperti seorang fasilitator atau konselor yang membantu pelajar memperbaiki kesalahan bahasa mereka.

Keempat, aspek hubungan dan interaksi antara guru dan pelajar. Keresahan pada aspek ini muncul apabila guru menegur kesalahan bahasa pelajar di hadapan rakan-rakan dan dengan cara yang kurang tepat. Cara yang kurang tepat dalam membetulkan kesalahan membuat sebahagian pelajar akan menganggap dirinya kurang berkemampuan dalam pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, pembetulan terhadap kesalahan bahasa pelajar adalah sememangnya diperlukan, hal yang penting untuk diperhatikan adalah sikap dan cara guru dalam membetulkan kesalahan tersebut (Horwitz et al. 1986; Koch et al. 1991; Young 1990).

Kelima, aspek berkaitan dengan prosedur bilik darjah. Young (1991) mengatakan bahawa meminta pelajar untuk bercakap di hadapan rakan-rakan dapat mengundang keresahan pelajar. Koch et al. (1991) juga mengatakan bahawa aktiviti pertuturan atau lakonan dalam B2 atau B3 juga dapat menyumbang kepada keresahan.

Keenam, aspek ujian bahasa. Young merujuk kepada Madsen et al. (1991) bahawa ujian bahasa menyebabkan pelajar bimbang apabila soalan ujian tidak mengeluarkan topik-topik yang telah diulangkaji. Daly (1991) menambahkan

bahawa keresahan tersebut berlaku kerana pelajar berhadapan dengan situasi baru, tidak pasti dan perasaan takut dinilai.

vii. Keresahan dalam pertuturan B2 dan B3

Pertuturan B2 atau B3 dianggap sebagai penyebab utama munculnya keresahan dalam kalangan pelajar. Jika dibandingkan dengan kemahiran lainnya, seperti mendengar, membaca dan menulis, maka kemahiran bertutur yang kerap kali memicu keresahan. Keresahan atau perasaan takut seseorang untuk bercakap di hadapan khalayak ramai dinyatakan melebihi perasaan takut atau fobia terhadap ular, lif atau ketinggian (Von 2003).

Demikian halnya dengan fenomena keresahan dalam B3, keresahan dalam pembelajaran bahasa Arab juga dialami dalam kalangan pelajar. Sejauh pembacaan pengkaji, hanya terdapat beberapa kajian sahaja yang menumpukan kepada keresahan dalam pembelajaran bahasa Arab. Antaranya, kajian Elkhafaifi (2005) yang mengkaji tentang keresahan dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Beliau mendapati bahawa terdapat hubungan negatif antara keresahan dengan kemahiran mendengar pelajar.

Di samping itu, kajian Alghothani (2010) yang mengkaji tentang keresahan dalam kursus kemahiran membaca, beliau juga mendapati hubungan yang negatif antara keresahan dengan kebolehan membaca pelajar terhadap teks bahasa Arab. Selain itu, kajian kualitatif Ghazali Yusri dan Nik Rahimi (2009) mengenai sikap para pelajar UiTM terhadap pembelajaran bahasa Arab menunjukkan bahawa pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab mempunyai persepsi negatif terhadap perjalanan kelas yang menggabungkan antara pelajar yang sudah mempunyai asas dengan pelajar yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Mereka merasa cemas dan tertekan apabila melihat rakan mereka yang mempunyai asas dapat menjawab soalan peperiksaan dengan lebih cepat berbanding mereka.

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan keresahan pelajar dalam pertuturan bahasa Arab, antaranya kajian Ab. Halim (2009) mendapati bahawa antara faktor yang menghalang pelajar IPTA tempatan daripada menguasai peruturan bahasa Arab adalah disebabkan faktor dalaman pelajar, seperti malu, tidak yakin, takut ditertawa dan tidak bersemangat. Kajian Lubna (2007) juga menunjukkan bahawa faktor utama yang menjadi halangan berkomunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ialah faktor psikologi yang merujuk kepada sikap tidak yakin, malu, dan takut melakukan kesilapan dalam pertuturan.

Kajian-kajian di atas menunjukkan bahawa keresahan dalam pembelajaran dan pertuturan bahasa Arab sememangnya wujud dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian mengenai faktor keresahan yang berlaku dalam kalangan pelajar perlu dijalankan bagi mengetahui tahap keresahan tersebut dan seterusnya mencari kaedah yang tepat untuk mengatasinya.

Kaedah Untuk Mengurangkan Keresahan

Terdapat juga beberapa kajian berkaitan kaedah untuk mengurangkan tahap keresahan, antaranya kajian Young (1991). Beliau menyarankan kaedah mengurangkan tahap keresahan mengikut beberapa aspek berikut;

- i. keresahan personal dan interpersonal
- ii. persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa
- iii. persepsi guru terhadap pengajaran bahasa
- iv. hubungan dan interaksi antara guru dan pelajar
- v. prosedur bilik darjah
- vi. ujian bahasa.

Pertama, bagi mengurangkan tahap keresahan berkaitan dengan personal dan interpersonal pelajar hendaklah menyedari kewujudan perasaan keresahan, menganggap perasaan tersebut ialah sebuah perasaan yang wajar dialami oleh sesiapa sahaja. Foss dan Reitzel (1988) mengatakan bahawa mengenal pasti perasaan resah dan takut dalam pembelajaran bahasa merupakan hal yang pertama kali yang perlu dilakukan oleh pelajar. Menenal pasti keresahan akan memudahkan mereka dalam mengurus keresahan dan mengawal keresahan tersebut. Pelajar juga perlu mengetahui bahawa keresahan tersebut juga dialami oleh pelajar-pelajar lain. Seterusnya, pelajar melatih diri agar sentiasa berfikiran positif, antara cara yang boleh dilakukan adalah dengan *positive self-talk* (mengucapkan kata-kata yang positif pada diri) ketika berhadapan dengan keresahan, seperti: “saya boleh..saya perlu bertenang..”, “kesalahan adalah wajar dalam proses pembelajaran..” dan sebagainya. Kaedah lain yang dapat digunakan oleh pelajar adalah dengan melibatkan diri dalam kumpulan-kumpulan yang dapat membantunya dalam pertuturan bahasa Arab (Campbell et al. 1991), seperti mengikuti kelab bahasa Arab, atau aktiviti-aktiviti yang menuntut pelajar untuk bertutur dalam bahasa tersebut.

Kedua, berkaitan dengan persepsi pelajar, guru perlu untuk berbincang dengan pelajar mengenai keresahan yang dialaminya. Ketiga, berkaitan dengan persepsi guru. Guru hendaknya peka terhadap perasaan resah yang dialami pelajar. Guru juga perlu menggunakan komunikatif dengan pelajar dan memiliki sikap sebagai seorang fasilitator yang bertanggungjawab untuk memberikan input kepada pelajar dan memberikan peluang kepada mereka untuk berlatih pertuturan. Keempat, berkaitan dengan hubungan antara guru dan pelajar. Bagi mengurangkan tahap keresahan pelajar pada aspek ini, guru disarankan memberi dorongan dan motivasi kepada pelajar berkenaan dengan pembelajaran bahasa. Selain itu, Young (1991) menyebutkan bahawa pendekatan dengan beramah mesra dengan pelajar, menyelitkan jenaka, santai dan bersabar dalam proses pengajaran. Hal tersebut dipercayai menjadikan pelajar lebih selesa dan menggalakkan pelajar untuk bertutur dalam bahasa sasaran.

Young menambahkan bahawa persepsi guru terhadap kesilapan pelajar juga memberi pengaruh kepada keresahan. Menurut beliau, guru tidak semestinya menegur kesalahan pelajar secara berlebihan, secara terus atau langsung. Seterusnya, guru dan pelajar perlu melihat kesalahan tersebut sebagai bahagian daripada proses pembelajaran. Mengulangi pembetulan kepada jawapan yang diberikan pelajar juga didapati dapat mengurangkan keresahan pelajar.

Selanjutnya, pendekatan yang kelima, berkaitan dengan prosedur bilik darjah. Menggunakan aktiviti-aktiviti yang tepat di dalam kelas boleh mengurangkan keresahan pelajar. Aktiviti yang dijalankan dalam kumpulan kecil dapat membuat pelajar lebih selesa untuk bertutur bahasa Arab.

KESIMPULAN

Fenomena keresahan sememangnya berlaku dalam kalangan pelajar B2 dan B3. Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa keresahan dapat memberikan pengaruh negatif kepada pencapaian pelajar. Hanya segelintir kajian yang mendapati hubungan atau korelasi positif antara keresahan dan pencapaian pelajar. Pertuturan dianggap pemicu utama keresahan di kalangan pelajar. Pelajar yang diminta untuk bertutur dalam B3 kerap kali mengalami masalah keresahan. Keresahan dalam diri pelajar mendorong pelajar untuk menarik diri daripada aktiviti-aktiviti dalam kelas. Mereka lebih memilih berdiam diri atau bahkan meninggalkan kelas bahasa tersebut bagi mengelak daripada keresahan.

Faktor utama yang melatari keresahan ini adalah berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap diri dan pembelajaran bahasa. Tahap keyakinan diri yang rendah sangat berkait rapat dengan timbulnya perasaan resah. Persepsi pelajar seperti berasa diri tidak mampu untuk menguasai bahasa akan memberi impak pada pencapaian dan persembahan pelajar dalam bahasa tersebut. Kaedah dan pendekatan bagi mengurangkan keresahan ini telah pun dikaji dan malah terus dikaji hingga saat ini bagi menyesuaikan dengan keadaan sekarang dan akan datang.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

Aida, Y. 1994. *Examination of Horwitz, Horwitz, and Cope's Construct of Foreign Language Anxiety: The Case of Students of Japanese*. The Modern Language Journal 78(2): 155-168.

Alghothani, D. 2010. *Foreign Language Anxiety in an Intermediate Arabic Reading Course: A Comparison of Heritage and Foreign Language Learners*. Doctoral Dissertatio. The Ohio State University.

Al-Shboul, M. M., Ahmad, I. S., Nordin, M. S., & Rahman, Z. A. 2013. *Foreign Language Anxiety and Achievement: Systematic Review*. International Journal of English Linguistics 3(2): 32.

- al-Ba^oalbaki, Ruhi. 1997. *Al-Mawrid, Qamus ^oArabi – Inklizi*. Beirut: Dar al-^oIlm li al-Malayin.
- Bailey, P., Onwuegbuzie, A. J., & Daley, C. E. 1998. *Anxiety About Foreign Language Among Students In French, Spanish, and German classes*. Psychological Reports 82(3): 1007-1010.
- Che Zarrina Sa'ari. 2001. *Penyakit Gelisah (anxiety/al-halu^oa) dalam Masyarakat Islam dan Penyelesaiannya menurut Psiko-Spiritual Islam*. Jurnal Usuludin. Bil.14. Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Darwin, C. R. 1872. *The Expression of Emotion in Man and Animal*. London: John Murray.
- Dörnyei, Z. 2005. *The Psychology of the Language Learner Individual Differences in Second Language Acquisition*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Dubin, F., & Olshstein, E. 1977. *Facilitating Language Learning: A Guidebook for the ESL/EFL Teacher*. New York: McGraw-Hill.
- Ehrman, M. E. 1996. *Understanding Second Language Learning Difficulties*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Elkhafaifi, H. 2005. *Listening Comprehension and Anxiety In The Arabic Language Classroom*. The Modern Language Journal 89(2): 206-220.
- Ellis, R. 1994. *The Study of second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Farj Abdul Qadir Taha. 1993. *Mawsu^oah ^oIlm al-Nafs wa al-Tahlil al-Nafsi*. Kaherah: Su'ad al-Sabah.
- Freud, S. 1920. *A General Introduction to Psychoanalysis*. New York: Boni & Liveright.
- Hismanoglu, M. 2013. *Foreign Language Anxiety of English Language Teacher Candidates: A Sample from Turkey*. Procedia-Social and Behavioral Sciences 93: 930-937.
- Horwitz E. K., Horwitz M. B., & Cope, J. 1986. *Foreign Language Classroom Anxiety*. The Modern Language Journal 70 (1): 125-132.
- Ingram, F., Nord, J., & Dragt, D. 1975. *A program for Listening Comprehension*. Slavic and East European Journal. 1-10.
- ^oIswa, Abdul Rahman Muhammad. 1970. *Dirasat Saikulujiyyah. Iskandariah: Mansya'ah al-Nasyir al-Ma^oarif*.
- Kitano, K. 2001. *Anxiety in the College Japanese Language Classroom*. The Modern Language Journal 85 (4): 549-566.
- McCroskey, J. C. 1978. *Validity of the PRCA as an Index of Oral Communication Apprehension*. Communications Monographs 45(3): 192-203.
- McCroskey, J. C. 1984. *The Communication Apprehension Perspective*. Dalam. J. A. Daly & J. C. McCroskey (pnyt.), *Avoiding Communication: Shyness, Reticence, and Communication Apprehension*, hlm. 13-38. Beverly Hill, CA: Sage.

- MacIntyre, P. D., & Gardner, R. C. 1989. *Anxiety and Second-Language Learning: Toward a Theoretical Clarification**. *Language Learning* 39(2): 251-275.
- Matsuda, S., & Gobel, P. 2004. *Anxiety and Predictors of Performance in the Foreign Language Classroom*. *System*, 32(1): 21-36.
- May, R. 1977. *The Meaning of Anxiety*. New York: Washington Square Press.
- Mitchell, R., & Myles, F. 2004. *Second Language Learning Theories (3rd ed.)*. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd. Zin, Z. & Rafik-Galea, S. 2010. *Anxiety and Academic Reading Performance among Malay ESL Learners*. *Journal of Pan-Pacific Association of Applied Linguistics* 14(2): 41-58.
- Morris, L. W., Davis, M. A., & Hutchings, C. H. 1981. *Cognitive and Emotional Components of Anxiety: Literature Review and a Revised Worry–Emotionality Scale*. *Journal of Educational Psychology* 73(4): 541-555.
- Mubayyad, Ma'mun. 1995. *Al-Mursyid fi al-Amrad al-Nafsiyyah wa Idtirabat al-Suluk*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- O'Toole, J. E. 1993. *Foreign Language Anxiety*. *Language Association Bulletin*, 44: 3-5.
- Oxford, R. L. 1999. *Anxiety and the Language Learner: New Insights*. Dlm. Jane Arnold (pnyt.). *Affect in language learning*, hlm. 58-67. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rasyad °Ali °Abd al-°Aziz Musa. 2001. *Asasiyat al-Sihhah al-Nafsiyyah wa al-°Ilaj al-Nafsiyy*. Kaerah: Mu'assasah al-Mukhtar.
- Salasiah Bt. Hanin Hamjah. 2011. *Kaedah Mengatasi Kebimbangan dalam Kaunseling: Analisis Dari Perspektif Al-Ghazali*. *Jurnal Hadhari* 3(1): 41-57.
- Scovel, T. 1978. *The Effect of Affect on Foreign Language Learning: A Review of The Anxiety Research*. *Language Learning* 28: 129-142.
- Spielberger, C. D. 1983. *Manual for the State-Trait Anxiety Inventory*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologist Press.
- Saito, Y., & Samimy, K. K. 1996. *Foreign Language Anxiety and Language Performance: A study of Learner Anxiety in Beginning, Intermediate, and Advanced-Level College Students of Japanese*. *Foreign Language Annals* 29(2): 239-249.
- Samimy, K. K., & Tabuse, M. 1992. *Affective Variables and a Less Commonly Taught Language: A Study in Beginning Japanese Classes**. *Language Learning* 42(3): 377-398.
- Tallon, M. 2009. *Foreign Language Anxiety and Heritage Students Of Spanish: A Quantitative Study*. *Foreign Language Annals* 42(1): 112-137.
- Wan Zarina Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti & Nur Al-Huda Hashim. 2007. *Kajian tahap keresahan di kalangan pelajar B3 terhadap mata pelajaran B3*. Universiti Teknologi Malaysia: Pusat Pengurusan Penyelidikan.

- Wehr, H. 1980. *Mucjam al-Lughah al-cArabiyah al-Mu'asirah (A Dictionary of Modern Written Arabic)*. Edisi ke-3. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Wilson, J. T. S. 2006. *Anxiety in Learning English as a Foreign Language: Its Associations with Student Variables, with Overall Proficiency, and with Performance on an Oral Test*. Tesis Doctoral, Editorial de la Universidad de Granada.
- Young, D. J. 1992. *Language Anxiety from the Foreign Language Specialist's Perspective: Interviews with Krashen, Omaggio Hadley, Terrell, and Rardin*. *Foreign Language Annals* 25(2): 157-172.

*Nur Pratiwi
Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Mel-e: tiwi2109@gmail.com